

(R)

PERSONALITI MUSLIMAH : KAJIAN
TERHADAP AYAT 32 DAN 33 SURAH
AL-AHZAB

HIDAYATI BT. KARIM

JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004

Perpustakaan Universiti Malaya



A511791538

PERSONALITI MUSLIMAH : KAJIAN
TERHADAP AYAT 32 DAN 33 SURAH
AL-AHZAB

HIDAYATI BT. KARIM

DISERTASI INI DIKEMUKAKAN BAGI
MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA
USULUDDIN

JABATAN AL-QURAN DAN AL-HADITH
BAHAGIAN PENGAJIAN USULUDDIN
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR
2004

الملخص

هذا البحث يناقش عن آيتين ٣٢ و ٣٣ من سورة الأحزاب. وهو يلاحظ عن أربع مسائل هامة المتعلقة بشخصية المسلمة وهي تقوى الله وكيفية التحدث أو التعامل مع الرجال لا سيما في مسألة خضوع القول والأمر بالقرار في البيت و النهي عن التبرج. التقوى بالله هو صفة ضرورية لكل مسلم لأنه يشجعه لأداء كل أوامره تعالى و يكون أيضا كقاعدة صلبة لشخصية المسلمة السليمة في هذا الزمان. وفي مسألة التعامل مع الرجال، إن المسلمة تنهى عن الخضوع عند التكلم معهم و أيضا أنها تنهى أن تفعل أي فعل من الأفعال الذي يتضمن أو يتكمن فيه معنى الخضوع بل أنها أمرت أن تتكلم بكلام حسن وأدب رفيع. وأما الأمر بالقرار في البيت، أن هذا البحث يجد أن المسلمة لا تشجع الخروج من بيتها إذا لم يوجد هناك حاجة ماسة له ولكن تؤذن لها أن تخرج لحاجة ما مادامت الحاجة ليس من الحاجات المحرمات. وأما في مسألة التبرج، أن الكاتبة تجد أن معنى التبرج ليس محدود على التباغي في التصنع حتى يبدي العورة فقط ولكنه يعني أيضا كل فعل من الأفعال الخاضعة المتعارضة للرجال. و أيضا أن هذا البحث يجد أن الإسلام قد أعطى السمحة الكبيرة للمسلمة في التزيين والتصنع ما دام لم يخرج عن القيود والحدود المباحة.

ABSTRACT

This dissertation discusses about Sura al-Aḥzāb, verse 32 and 33. It addresses four main problems surrounding the key personality of muslimah which consists of full devotion to Allah, communication with men in terms of softening the voice, the teaching to be homebound and prevention of excessive makeovers. Devotion to Allah is vital as it is a main pillar to execute all His teachings. It also moulds the key dynamic muslimah personality in today's world. In communication obstacles, muslimah is prevented from softening their voice in a seductive manner or its equivalent act but rather they are required to be more courteous. With regards to homebound teaching, this thesis shows that muslimah should not leave the house unnecessarily unless committed to do so for a good cause. In other words they are allowed to leave the house, as long as it does not lead to haram. In excessive makeovers, the writer feels that it is not restricted to mere revealing the aurat but also comprise of acts which can seduce men. This dissertation stresses that Islam has widened the way muslimah should portray themselves as long as it is within the specified limit.

ABSTRAK

Disertasi ini membincangkan tentang ayat 32 dan 33 Surah al-Ahẓāb. Ia menyentuh empat masalah penting yang merupakan personaliti muslimah yang utama iaitu ketaqwaan kepada Allah s.w.t., cara komunikasi dengan lelaki terutama dalam masalah melunakkan suara, suruhan agar sentiasa di rumah dan larangan bertabarruj. Ketaqwaan kepada Allah s.w.t. ialah sifat peribadi yang amat penting kerana ia merupakan pendorong untuk melaksanakan segala suruhanNya. Di samping itu, ia juga menjadi teras kepada personaliti muslimah yang unggul terutama di zaman ini. Dalam masalah berkomunikasi, muslimah dilarang melembutkan suara secara menggoda atau melakukan gaya yang seumpamanya malah mereka diminta berbicara dengan cara yang sopan. Manakala suruhan agar sentiasa di rumah, kajian ini mendapati mereka tidak digalakkan keluar jika tiada apa-apa keperluan. Namun mereka diharuskan keluar untuk memenuhi sesuatu hajat selagi ia bukan perkara haram. Manakala dalam masalah *tabarruj* pula, penulis mendapati ia bukan sahaja bermaksud keterlaluan dalam berhias sehingga mendedahkan aurat tetapi ia juga bermaksud tingkah laku yang boleh menggoda lelaki. Kajian ini juga mendapati Islam telah memberikan ruang yang luas kepada muslimah untuk berhias asalkan tidak terkeluar dari batasan yang diharuskan.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi pujian dipersembahkan ke hadrat Allah s.w.t. yang telah memberikan rahmat kepada seluruh makhlukNya. Selawat dan salam buat junjungan tercinta Nabi Muhammad s.a.w., seluruh keluarga baginda, para sahabat, *salaf al-ṣāliḥ* serta mereka yang mengikuti jejak langkah baginda s.a.w. sehinggalah ke hari akhirat.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Ustazah Seripah Zin Syed Ali selaku penyelia disertasi ini, yang telah banyak membantu menyiapkan kajian ini. Segala usaha, bantuan, nasihat serta kesudian beliau menyelia tidak dapat penulis lupakan. Hanya doa penulis panjatkan agar beliau sentiasa mendapat rahmat daripada Allah s.w.t.

Buat ibu bapa tercinta, Hjh. Rokiah bt. Abdullah dan En. Karim bin Kechik yang telah bersusah payah membesarkan dan mendidik penulis, dirakamkan jutaan terima kasih yang tidak berpenghujung di atas segala pengorbanan yang telah dicurahkan. Tidak lupa juga kepada kekanda Mohd. Fadzly dan Nor Afidah, adinda Syahrina dan Anisah serta saudara mara penulis yang telah menghulurkan bantuan dari pelbagai segi, semenjak penulis kecil sehinggalah dewasa, diucapkan terima kasih yang tidak terhingga di atas segala bantuan yang telah dihulurkan.

Terima kasih juga penulis titipkan buat penjamin pinjaman MARA, En. Ahmad bin Abdullah dan En. Mazli Mat Isa. Demikian juga terima kasih diucapkan kepada Pn. Norsiah Abdullah, operator di Telekom Malaysia dan Pn. Hatijah Hashim, perunding pengguna di Persatuan Pengguna P. Pinang yang telah

berusaha meluangkan masa untuk ditemubual dalam usaha melengkapkan disertasi ini.

Tidak lupa juga terima kasih diucapkan kepada En. Radzuan dan pegawai penemuduga MARA yang begitu bertanggungjawab dan ihsan dalam membantu menguruskan pinjaman penulis. Demikian juga terima kasih diucapkan kepada Pn. Noriah, kerani di Ijazah Tinggi yang telah banyak membantu melicinkan urusan penulis. Sementara itu terima kasih juga diucapkan kepada seluruh kakitangan UM yang telah banyak membantu sepanjang penulis mengikuti kursus sarjana terutama sekali kepada Ustz. Fatimah Ali, Us. Ishak Suliaman, En. Mangsor, Pn. Latifah, Pn. Salina, Cik Norashikin dan lain-lain. Demikian lagi kepada semua yang telah menghulurkan bantuan sama ada secara langsung atau tidak, terima kasih diucapkan dan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

Istimewa buat suami tersayang, Hairon bin Zainal Abidin yang budiman, penulis ucapkan jutaan terima kasih di atas segala pengorbanan, bantuan dan semangat yang diberikan sepanjang penulis menyiapkan disertasi ini. Hanya Allah s.w.t. yang dapat membalas akhlak mulia dan budi baik yang telah diberikan. Juga buat anak-anak penulis, al-Amin, Khadijah, as-Siddiq dan Fatimah, terima kasih atas kenakalan dan maaf jika karenah kalian tidak terlayan.

Akhir kata, penulis panjatkan doa agar Allah s.w.t. memberkati usaha ini dan menghimpunkan kajian ini dalam sebahagian kecil khazanah ilmu yang kekal berkat sehingga hari akhirat, *Āmīn*.

HIDAYATI BT. KARIM
145B Jln 11A
Selayang Pandang, Selangor D.E.

6 Rabiul Akhir 1424
26 Mei 2004

TRANSLITERASI

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ء	'	سأل	<i>sa'ala</i>
ب	<i>b</i>	بدل	<i>badala</i>
ت	<i>t</i>	تمر	<i>tamr</i>
ث	<i>th</i>	ثورة	<i>thawrah</i>
ج	<i>j</i>	جمال	<i>jamāl</i>
ح	<i>h</i>	حديث	<i>ḥadīth</i>
خ	<i>kh</i>	خالد	<i>khālīd</i>
د	<i>d</i>	ديوان	<i>dīwān</i>
ذ	<i>dh</i>	ذهب	<i>dhhaba</i>
ر	<i>r</i>	رمضان	<i>ramaḍān</i>
ز	<i>z</i>	زمزم	<i>zamzam</i>
س	<i>s</i>	سراب	<i>sarāb</i>
ش	<i>sh</i>	شمس	<i>shams</i>
ص	<i>ṣ</i>	صر	<i>ṣābr</i>
ض	<i>ḍ</i>	ضمير	<i>ḍamīr</i>
ط	<i>t</i>	طاهر	<i>ṭāhir</i>
ظ	<i>ẓ</i>	ظهر	<i>ẓuhr</i>
ع	<i>‘</i>	عبد	<i>‘abd</i>
غ	<i>gh</i>	غيب	<i>ghayb</i>
ف	<i>f</i>	فقه	<i>fiqh</i>
ق	<i>q</i>	قاضى	<i>qāḍī</i>

ك	kh	كأس	ka's
ل	l	لين	laban
م	m	مزمارة	mizmār
ن	n	نوم	nawm
هـ	h	هبط	habaṭa
و	w	وصل	waṣl
ي	y	يسار	yasār

Vokal

Vokal Pendek

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
	A	ذهب	dhahaba
	I	حسب	ḥasiba
	U	حسن	ḥasuna

Vokal Panjang

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
ا ، ي	ā	كاتب ، قضى	kātīb, qaḍā
ي	ī	كريم	karīm
و	ū	صدور	ṣudūr

Diftong

<u>Huruf Arab</u>	<u>Huruf Latin</u>	<u>Contoh Asal</u>	<u>Contoh Transliterasi</u>
و	aw	قول	qawl
ي	ay	سيف	sayf
ي ، ي	yy, iy	سيد ، رجعي	sayyid , raf'iy
و	uww	عدو	'aduww

KEKECUALIAN TRANSLITERASI

Terdapat beberapa perkataan Arab yang telah diMelayukan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka. Oleh itu, penulis akan menggunakan perkataan-perkataan berkenaan sebagaimana yang tertulis di dalam Kamus Dewan. Perkataan-perkataan tersebut ialah seperti hadis, munafik, mufasir, reda, ijtihad, mazhab, nas, takrif dan lain-lain lagi.

SENARAI SINGKATAN

API	: † Akademi Pengajian Islam
a.s.	: [°] alayh [°] alayhim al-salām
bhgn.	: bahagian
c.	: cetakan ke...
CAP	: Persatuan Pengguna Pulau Pinang
cf	: <i>confer</i> (bandingkan)
ed.	: edisi
et al.	: dan pengarang-pengarang lain
Fak.	: Fakulti
H	: tahun Hijrah
h.	: halaman
<i>Ibid</i>	: <i>ibidem</i> (rujukan yang berturut)
j.	: jilid
Jab.	: Jabatan
Lat.	: Latihan
m.	: meninggal dunia
juz.	: juzuk
<i>op. cit.</i>	: <i>opere citato</i> (rujukan berselang)
r.a.	: <i>radīya Allāh [°]anhu/ [°]anhā/ [°]anhum/ [°]anhunn</i>
r.h.m.	: <i>rahimahu Allāh</i>
s.a.w.	: <i>ṣalla Allāh [°]alayh wa [°]sallam</i>
s.w.t.	: <i>subḥānahu wa ta[°]ālā</i>
sunt.	: disunting
t.p.	: tanpa penerbit
t.t.	: tanpa tarikh
t.tp.	: tanpa tempat
terj.	: edisi terjemahan
t.pentj.	: tanpa penterjemah
edit	: telah diedit oleh
UM	: Universiti Malaya
DBP	: Dewan Bahasa dan Pustaka
UKM	: Universiti Kebangsaan Malaysia

ISI KANDUNGAN

المخلص	iii
Abstract	iv
Abstrak	v
Penghargaan	vi
Transliterasi	viii
Senarai Singkatan	xi
Isi Kandungan	xii

PENDAHULUAN

A.	Pengenalan	1
B.	Latar Belakang Kajian	1
C.	Masalah Kajian	3
D.	Objektif Kajian	3
E.	Hipotesis	4
F.	Kepentingan Kajian	4
G.	Skop Kajian	5
H.	Huraian Istilah	6
I.	Ulasan Penulisan	6
J.	Metodologi Kajian	8
K.	Sistematika Kajian	12

BAB PERTAMA PENGENALAN SURAH AL-AḤZĀB

Pendahuluan	14	
1.0	Nama Surah	17
1.1	Hubungan Surah Ini Dengan Surah Sebelumnya	18
1.2	Intisari Surah	19
1.3	Tafsiran Umum Ayat 32 dan 33 Surah Al-Aḥzāb	20
1.4	<i>Asbāb al-Nuzūl</i> Ayat	24
1.5	Hubungan Ayat Dengan Ayat Sebelumnya	25
1.6	Beberapa Petunjuk Dalam Ayat	28
Kesimpulan	28	

BAB KEDUA
PERSONALITI PERTAMA :
BERTAQWA KEPADA ALLAH S.W.T.

Pendahuluan	30	
2.0	Pengertian Taqwa Dari Sudut Bahasa	30
2.1	Pengertian Taqwa Menurut Al-Quran	32
2.2	Pengertian Taqwa Dari Perspektif Hadis	35
2.3	Pandangan Ulama' Tentang Taqwa	38
2.4	Sifat-sifat Orang Bertaqwa	41
2.4.1	Beriman Kepada Perkara Ghaib	41
2.4.2	Menunaikan Sembahyang	42
2.4.3	Menafkahkan Harta	43
2.4.4	Yakin Dan Bersiap Sedia Menghadapi Hari Akhirat	44
2.4.5	Menepati Janji	46
2.4.6	Bersabar Menghadapi Ujian	47
2.4.7	Sentiasa Berwaspada Terhadap Dosa Serta Segera Bertaubat	48
2.4.8	Memiliki Sifat Benar	51
2.4.9	Sentiasa Bertawakkal	53
2.4.10	<i>Qanūt</i>	53
2.4.11	Melazimi Qiamullail Dan Istighfar	54
2.4.12	Menahan Marah Dan Suka Memaafkan Orang Lain	54
2.4.13	Bersifat Ihsan	55
2.4.14	Selalu Berfikir Dan Mengambil Pengajaran	57
2.4.15	Menyeru Makruf Dan Menegah Mungkar	57
2.4.16	Berukhuwah Kerana Allah S.W.T.	59
2.4.17	Berakhlak Mulia Dan Mengamalkan Sunnah Rasulullah S.A.W.	59
2.4.18	Merendah Diri	61
2.4.19	<i>Wara'</i>	62
2.5	Jalan-Jalan Menuju Ketaqwaan	62
2.5.1	Menuntut Ilmu	63
2.5.2	Melazimi Membaca Al-Quran Dengan <i>Tadabbur</i>	64
2.5.3	Mujahadah	65
2.5.4	Beramal Dengan Sunnah Rasulullah S.A.W.	66
2.5.5	Berpuasa	67
2.5.6	Banyak Bersabar	70
2.5.7	Banyak Berdoa	71
2.5.8	Mempunyai Azam Yang Kuat	72
2.5.9	Sentiasa Taat Dan Menjauhi Dosa	73
2.5.10	Yakin Terhadap Janji-Janji Allah	75
2.5.11	Memerangi Musuh	75
2.5.12	Menguatkan Ruh	77
2.5.13	<i>Qanā'ah</i>	77

2.5.14	Banyak Bersedih Dan Mengingati Perkara Yang Menimbulkan Kesedihan	78
2.6	Cabaran-Cabaran Dalam Menuju Ketaqwaan	79
2.6.1	Hasutan Manusia Dan Syaitan	80
2.6.2	Malu	80
2.6.3	Adat Kebiasaan	81
2.6.4	Kesibukan Tugas Harian	82
2.6.5	Perasaan Lemah Dan Bosan	83
2.6.6	Terpedaya Dengan Amalan	83
2.7	Taqwa Sebagai Personaliti Utama	86
	Kesimpulan	88

BAB KETIGA PERSONALITI KEDUA : LARANGAN MELUNAKKAN SUARA

	Pendahuluan	90
3.0	Suara Muslimah Menurut Ulama'	90
3.1	Maksud Melunakkan Suara Dari Sudut Bahasa	117
3.2	Larangan Melunakkan Suara Menurut Mufassirin	119
3.3	Lelaki Yang Dimaksudkan Dalam Larangan	128
3.4	Percakapan Yang Dituntut	135
3.5	Membaca al-Quran Secara Berlagu	144
3.6	Nyanyian	149
	Kesimpulan	156

BAB KEEMPAT PERSONALITI KETIGA : SENTIASA DI RUMAH

	Pendahuluan	159
4.0	Tafsiran Ayat Dari Sudut Bahasa	159
4.1	Tafsiran Mufasirin Berhubung Ayat	161
4.2	Muslimah Yang Dimaksudkan Dalam Ayat	188

4.3	Adab-Adab Keluar Rumah	207
4.3.1	Menutup Aurat	208
4.3.2	<i>Ikhtilāf</i> Dan <i>Khulwah</i>	220
4.3.3	Menundukkan Pandangan	232
4.3.4	Berteman	233
4.3.5	<i>Tabarruj</i>	241
4.3.6	Waktu	241
4.3.7	Perilaku	244
4.3.8	Aman Fitnah	245
4.4	Kesan Yang Timbul Akibat Keluar Rumah	256
4.5	Menghayati Personaliti Sentiasa Di Rumah	265
	Kesimpulan	267

BAB KELIMA PERSONALITI KEEMPAT : LARANGAN BERTABARRUJ

	Pendahuluan	271
5.0	Pengertian <i>Tabarruj</i> Dari Sudut Bahasa	271
5.1	Tafsiran Mufasirin Berhubung Ayat	273
5.2	Pengertian <i>Tabarruj al-Jāhiliyyah al-'Ūlā</i>	281
5.3	Cara Berhias Menurut Islam	295
5.3.1	Tafsiran Ayat Tentang <i>Zīnah</i>	295
5.3.2	Larangan Membunyikan Perhiasan	315
5.4	Bentuk-bentuk <i>Tabarruj</i>	336
5.4.1	Barang Perhiasan	336
5.4.2	Warna	341
5.4.3	Bunyian	358
5.4.4	Pakaian	361
5.4.5	Wangian	371
5.4.6	Tingkah Laku	377
5.4.7	Mengubah Ciptaan Asal	379
5.5	Niat Mempengaruhi Hukum	386
5.6	Membudayakan Personaliti Tidak Bertabarruj	390
	Kesimpulan	394

PENUTUP
KESIMPULAN DAN CADANGAN

Pendahuluan	398
A. Kesimpulan Kajian	398
B. Cadangan-cadangan	402
BIBLIOGRAFI	405
LAMPIRAN	

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

A. Pengenalan

Disertasi ini merupakan suatu kajian dalam bidang tafsir al-Quran yang akan membahaskan tentang kandungan dua ayat dalam Surah al-Ahzāb. Kajian ini akan mengengahkan pandangan para ahli tafsir dan membincangkannya bersesuaian dengan tajuk disertasi.

B. Latar Belakang Kajian

Sejak beberapa dekad yang lalu, para muslimah di Malaysia telah turut serta dalam arus pembangunan negara. Mereka telah menerima pendidikan dan bebas menceburi pelbagai bidang pekerjaan yang diminati sesuai dengan dasar kerajaan yang menjamin hak mereka sepenuhnya.

Bermula dari kebebasan inilah, mereka telah menceburkan diri dalam pelbagai bidang yang antaranya seni suara, permodelan dan kecantikan terutama apabila kursus-kursus berkaitan bidang tersebut sebahagiannya telah disediakan di pusat-pusat pengajian tinggi. Penglibatan mereka dalam bidang-bidang berkenaan pula ada kalanya hanya untuk mengisi masa lapang dan ada kalanya dijadikan sebagai pekerjaan malah sebagai landasan berpijak dalam dunia perniagaan.

Pun begitu, sejauh mana Islam mengharuskan para muslimah keluar rumah untuk mempelajari pelbagai jenis ilmu atau menceburi bidang-bidang seni suara, permodelan, kecantikan dan sebagainya itu masih menjadi tanda tanya terutama apabila sesetengah pihak mendakwa muslimah hanya diharuskan keluar

jika keadaan mendesak. Mereka mendakwa muslimah tidak perlu keluar rumah untuk mempelajari sesuatu ilmu yang tidak wajib atau keluar bekerja jika tidak sampai ke tahap darurat. Sementara itu, penglibatan muslimah dalam bidang seni suara, permodelan dan kecantikan juga dikatakan tidak diharuskan kerana muslimah diharamkan melunakkan suara, mempertontonkan diri di hadapan khalayak dan *bertabarruj*.

Menginsafi keadaan ini, penulis berasa terpenggil untuk mengkaji permasalahan ini memandangkan perkembangan mutakhir menyaksikan para muslimah semakin rancak menceburi pelbagai bidang pekerjaan sama ada menjadi penyanyi atau berkecimpung dalam bidang permodelan, kecantikan dan sebagainya. Justeru, penulis berpendapat adalah perlu meneliti semula hujah-hujah golongan ini terutama apabila dakwaan-dakwaan mereka bersumber daripada ayat 32 dan 33 Surah al-Aḥzāb yang merakamkan suruhan agar muslimah bertaqwa, tidak melunakkan suara, sentiasa tinggal di rumah dan tidak *bertabarruj*.

Dalam kajian ini, penulis akan cuba mengemukakan huraian para ahli tafsir berhubung maksud kedua-dua ayat tersebut untuk menilai adakah dakwaan pihak-pihak berkenaan benar atau memang masih wujud ruang-ruang yang diharuskan untuk muslimah menceburi bidang-bidang berkenaan. Perincian terhadap setiap suruhan dalam ayat-ayat ini diharap akan menjadi panduan bagi muslimah membina personalitinya yang unggul agar tidak terpengaruh dengan unsur-unsur yang tidak diharuskan oleh syarak. Kajian ini akan diakhiri dengan mengemukakan beberapa kesimpulan dan cadangan agar segala suruhan dalam kedua-dua ayat tersebut dapat dihayati oleh muslimah.

C. Masalah Kajian

Persoalan pokok yang akan dikaji dalam disertasi ini ialah :

- i) Konsep ketaqwaan kepada Allah s.w.t. iaitu apakah ciri-ciri ketaqwaan, bagaimana cara mendapatkannya serta apakah halangan-halangan yang terpaksa dihadapi untuk mencapainya.
- ii) Bagaimanakah cara komunikasi di antara lelaki dengan wanita yang digariskan oleh Islam terutama dalam persoalan melunakkan suara.
- iii) Apakah maksud sentiasa tinggal (*qarna*) di rumah, apakah jenis hajat yang mengharuskan keluar, benarkah suruhan tersebut hanya meliputi isteri-isteri Nabi s.a.w. dan apakah adab-adab keluar rumah.
- iv) Konsep *tabarruj* iaitu bagaimanakah cara berhias yang dilarang oleh Islam serta bagaimanakah pula penampilan muslimah agar sentiasa kelihatan ceria dan menyakinkan tetapi selaras dengan syarak.

D. Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mencapai beberapa objektif iaitu :

- i) Menjelaskan konsep ketaqwaan kepada Allah s.w.t.
- ii) Menjelaskan maksud larangan melunakkan suara serta cara komunikasi yang dituntut oleh Islam di antara lelaki dan perempuan.
- iii) Menjelaskan konsep suruhan agar sentiasa berada di rumah dan persoalan yang berkaitan dengannya.
- v) Menjelaskan konsep *tabarruj* dan kepelbagaian bentuknya serta cara berhias menurut Islam.

E. Hipotesis

Sebelum kajian ini dilakukan, penulis beranggapan Islam melarang muslimah melunakkan suara di hadapan lelaki *ajnabi*, mereka dikehendaki sentiasa tinggal di rumah jika tidak mempunyai keperluan untuk keluar dan tidak bertabarruj apabila keluar. Penulis beranggapan Islam cukup tegas dalam permasalahan di atas dengan tidak memberikan sebarang ruang kepada muslimah menyanyi, keluar bekerja tanpa keperluan mendesak, memakai alat solek dan sebagainya. Ini berikutan kecenderungan sebahagian besar pengkaji mengklasifikasikan perbuatan di atas sebagai haram mutlak dengan menukilkan ayat kajian sebagai hujah.

F. Kepentingan Kajian

Kajian ini penting disebabkan beberapa perkara iaitu :

- i) Ia akan menjelaskan peri pentingnya ketaqwaan sebagai sifat teras yang perlu ada dalam diri setiap muslimah kerana peranannya sebagai penyelaras dan pengawal terhadap keseluruhan aktiviti mereka terutama dalam menghadapi zaman kini yang lebih mencabar.
- ii) Ia akan menyingkap maksud sebenar larangan melunakkan suara, suruhan agar sentiasa berada rumah dan persoalan tentang larangan bertabarruj agar boleh menjadi panduan yang jitu kepada muslimah untuk menjalankan aktiviti mereka dalam ruang lingkup yang diharuskan.

G. Skop Kajian

Disertasi ini secara khusus akan menumpukan perbincangan terhadap tafsiran para ahli tafsir tentang ayat yang dikaji. Ayat 32 Surah al-Aḥzāb mengandungi dua perkara penting iaitu suruhan bertaqwa kepada Allah s.w.t. serta larangan melunakkan suara. Perbincangan akan berkisar pada konsep taqwa, ciri-ciri, tuntutan serta cabaran untuk mencapainya. Manakala larangan melunakkan suara akan membincangkan tentang maksud suara yang lunak serta ciri-cirinya yang khusus, lelaki yang dilarang mendengar kelunakan suara muslimah, isi kandungan perbicaraan serta cara berinteraksi yang diharuskan. Selain itu, kajian ini juga turut menyentuh persoalan asas tentang hukum suara muslimah iaitu sama ada ianya aurat atau tidak di samping membincangkan beberapa contoh aktiviti muslimah yang melibatkan suara.

Manakala ayat 33 pula mengandungi pelbagai suruhan dan larangan iaitu suruhan agar muslimah sentiasa di rumah, larangan bertabarruj, suruhan menunaikan sembahyang, mengeluarkan zakat serta mentaati Allah s.w.t dan RasulNya. Namun perbincangan hanya difokuskan kepada dua suruhan awal pada ayat tersebut iaitu suruhan agar sentiasa di rumah dan larangan bertabarruj. Berhubung suruhan agar sentiasa di rumah, penulis akan membahaskan tentang maksud suruhan tersebut, jenis-jenis hajat yang mengharuskan keluar di samping membincangkan sama ada larangan berkenaan hanya khusus kepada isteri-isteri Nabi s.a.w atau meliputi seluruh muslimah. Selain itu, adab-adab keluar yang ditetapkan oleh Islam juga akan turut dibincangkan.

Manakala larangan bertabarruj pula akan membahaskan tentang ciri-ciri tertentu yang dianggap tabarruj, bentuk-bentuk tabarruj serta cara berhias yang

diharuskan. Dalam kajian ini, penulis tidak membincangkan contoh-contoh aktiviti yang melibatkan *tabarruj* atau tontonan umum secara khusus seperti mengendalikan salon kecantikan, menjadi model busana muslimah, pelakon dan sebagainya memandangkan ia telah dapat dikenalpasti melalui perbincangan yang telah dilakukan.

H. Huraian Istilah

Tajuk disertasi ini ialah *Personaliti Muslimah : Kajian Terhadap Ayat 32 Dan 33 Surah al-Aḥzāb*. Istilah personaliti bermaksud keperibadian atau perwatakan¹ manakala perkataan watak pula memberi erti sifat zahir dan batin seseorang merangkumi budi pekerti dan tabiatnya, tingkah lakunya, jiwanya, pemikirannya dan lain-lain². Sementara itu, perkataan muslimah bermaksud seorang perempuan yang beragama Islam manakala Surah al-Aḥzāb pula ialah nama satu surah dalam al-Quran iaitu surah yang ke 33.

Berdasarkan huraian di atas, tajuk kajian ini bermaksud sifat, tingkah laku, budi pekerti, jiwa dan pemikiran seorang wanita yang beragama Islam berdasarkan intipati ayat 32 dan 33 Surah al-Aḥzāb.

I. Ulasan Penulisan

Sepanjang pemerhatian penulis, belum ada kajian terperinci yang menghimpun dan membincangkan tafsiran kedua-dua ayat ini dalam satu kajian. Pun begitu, ada antara masalah dalam ayat ini yang telah banyak dikaji.

¹ Lihat Teuku Iskandar (1993), *Kamus Dewan*, edisi baru, c. 4, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP), h. 954

² Lihat *Ibid*, h. 1462

Antara masalah yang telah lama dan banyak dibahaskan ialah konsep taqwa. Terlalu banyak kajian telah dilakukan dalam masalah ini sama ada yang dibahaskan oleh ulama' terdahulu atau kontemporer dan antaranya ialah dalam kitab-kitab tafsir. Konsep taqwa juga banyak dibincangkan oleh ahli sufi atau pengikut tarikat seperti yang terdapat dalam *al-Risālah al-Qushayriyyah* oleh al-Qushayrī, *Faṭḥ al-Rabbānī* oleh al-Jīlānī, *Jund Allāh Thaḳāfatan Wa Akhlāqan* oleh Sa'īd Ḥawwā dan sebagainya. Walau bagaimanapun, cara penulisan setiap karya adalah berbeza. Al-Qushayrī umpamanya lebih menumpukan tentang pengertian taqwa menurut sahabat, *tābī'īn* dan para sufi manakala al-Jīlānī pula cenderung melakarkan jalan atau bagaimana seseorang dapat mencapai taqwa. Sementara itu, Sa'īd Ḥawwā dilihat banyak berpandukan ayat-ayat al-Quran dan hadis dalam usaha memperihalkan konsep taqwa, sifat orang bertaqwa dan cara-cara mendapatkannya.

Demikian juga tentang masalah *tabarruj*, ia telahpun dibahaskan oleh para ahli tafsir dalam kitab-kitab tafsir. Selain itu, ia juga telah banyak disentuh oleh pengkaji kontemporer seperti dalam buku *al-Mawsū'ah al-Fiqhiyyah* yang diterbitkan oleh Kementerian Wakaf Kuwait, buku *al-Libās Wa al-Zīnah* oleh Dr. °Abd al-°Azīz °Amrū dan sebagainya. Sementara itu, masalah ini juga telah banyak dikaji di peringkat universiti seumpama kajian Warda Misnon (1998) dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk *Tabarruj Di Kalangan Wanita Bekerja : Satu Kajian Di Kilang DY Power System*. Bahkan terdapat pengkaji seperti Abdul Karim bin Zakaria (2002) telah mengkaji tajuk yang hampir sama dengan kajian penulis dalam latihan ilmiahnya yang bertajuk *Tabarruj Dalam Al-Quran : Kajian Terhadap Ayat 33 Surah al-Aḥzāb*. Pun begitu, kebanyakan mereka di atas termasuk Abdul Karim tidaklah memfokuskan kajian mereka terhadap tafsiran

para ahli tafsir tentang maksud *tabarruj* tetapi hanya memberikan definisi *tabarruj* menurut ulama' tertentu seterusnya menyenaraikan bentuk-bentuk atau cara berhias yang mereka anggap *tabarruj*.

Mengenai masalah melunakkan suara dan sentiasa berada di rumah pula, setakat ini penulis belum menjumpai sebarang tulisan yang membahaskan konsep ini secara terperinci berpandukan tafsiran para ahli tafsir kecuali yang terdapat dalam kitab-kitab tafsir. Kebanyakan pengkaji hanya menggunakan ayat ini tanpa apa-apa perbincangan atau menyentuhnya secara umum untuk melarang muslimah melembutkan suara atau untuk tidak mengharuskan perbuatan keluar rumah jika ianya bukan darurat. Pun begitu, terdapat juga kajian seumpama buku *Tahrīr al-Mar'ah Fī 'Asr al-Risālah* oleh 'Abd al-Ḥalīm Muḥammad Abū Shuqqah dan buku *Kedudukan Dan Peranan Wanita Dalam Islam* oleh Dr. Faisal Osman yang walaupun tidak membahaskan maksud suruhan agar sentiasa tinggal di rumah secara khusus tetapi banyak menyentuh tentang konsep wanita keluar rumah untuk pelbagai keperluan.

J. Metodologi Kajian

Bentuk kajian yang dilakukan dalam disertasi ini ialah kajian perpustakaan. Ia akan menggunakan beberapa metode utama iaitu :

- i. Metode penentuan subjek
- ii. Metode pengumpulan data
- iii. Metode penganalisan data

a) Metode Penentuan Subjek

Subjek penyelidikan dalam disertasi ini difokuskan kepada kandungan ayat 32 dan sebahagian ayat 33 Surah al-Aḥzāb. Secara khusus, kajian akan tertumpu kepada personaliti muslimah yang terkandung dalam ayat-ayat tersebut iaitu yang berkaitan dengan ketaqwaan kepada Allah s.w.t., larangan melunakkan suara, suruhan agar sentiasa berada di rumah dan larangan bertabarruj.

b) Metode Pengumpulan Data

Data-data yang dimaksudkan meliputi data primer dan skunder. Dalam masalah ini, penulis akan menggunakan beberapa metode yang lebih khusus iaitu :

i. Metode Dokumentasi

Melalui kaedah ini, penulis mendapatkan maklumat melalui pembacaan bahan bertulis. Rujukan utama dalam kajian ini adalah kitab-kitab tafsir *turāth* dan kontempor. Selain itu, maklumat juga akan dikumpul daripada kitab-kitab fiqh, hadis, buku-buku, jurnal-jurnal, majalah-majalah dan akhbar yang berkaitan. Bahan rujukan pula diperolehi daripada beberapa perpustakaan iaitu Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan API, UM, Perpustakaan Awam Pusat Islam selain buku-buku yang dimiliki sendiri oleh penulis. Metode ini merupakan metode utama dalam kajian ini memandangkan ia bertujuan membongkar tafsiran para ahli tafsir berhubung subjek kajian. Justeru, ia akan digunakan secara menyeluruh dalam kesemua bab.

ii) Metode Observasi

Metode ini digunakan untuk mengumpul maklumat tentang sesuatu aktiviti, tindakan, perbuatan dan sebagainya. Ia digunakan untuk mendapatkan contoh-contoh yang sesuai dalam usaha mengaplikasi dapatan kajian terhadap masalah semasa. Metode ini akan digunakan terutama dalam bab tiga, empat dan lima.

iii) Metode Temubual

Metode ini digunakan untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang tidak terdapat dalam buku-buku. Temubual telah dilakukan dengan Pn. Hatijah, seorang perunding pengguna di CAP, Pulau Pinang dan Pn. Norsiah, seorang kakitangan Telekom Malaysia. Penulis telah mendapatkan maklumat tentang kedudukan halal haram bagi susu formula daripada Pn. Hatijah dan faktor-faktor yang mendorong majikan mengadakan *shift* malam bagi pekerja wanita daripada Pn. Norsiah. Metode ini akan digunakan dalam bab keempat namun ia tidaklah digunakan untuk membantu perbahasan utama tetapi hanya untuk melengkapkan perbahasan masalah-masalah sampingan.

c) Metode Penganalisaan Data

Semua data yang diperolehi akan dikaji dan dianalisa dengan teliti. Dalam hubungan ini, penulis akan menggunakan beberapa metode tertentu iaitu :

- i. Metode Induktif
- ii. Metode Deduktif
- iii. Metode Komparatif

i) Metode Induktif

Metode ini bermaksud penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dan kesimpulan berpandukan hal-hal yang bersifat khusus untuk sampai kepada dalil-dalil umum. Metode ini akan digunakan dalam bab dua, tiga, empat dan lima terutama dalam usaha menganalisa tafsiran-tafsiran para ahli tafsir untuk sampai kepada kesimpulan umum.

ii) Metode Deduktif

Metode ini ialah penganalisaan data melalui pola berfikir yang mencari pembuktian dengan berpijak pada dalil-dalil umum untuk menuju kepada hal-hal yang khusus. Ia akan digunakan terutama dalam bab tiga, empat dan lima iaitu dalam usaha mengaplikasikan kesimpulan yang telah didapati kepada masalah yang khusus.

iii) Metode Komparatif

Metode ini bermaksud satu penelitian melalui kaedah perbandingan yang dibuat untuk merumus dan membuat sesuatu kesimpulan terhadap sejumlah data yang diperolehi. Ia akan digunakan dalam menganalisa pandangan-pandangan di antara para ahli tafsir selain menganalisa pandangan ahli tafsir dengan para pengkaji lain. Metode ini akan digunakan dalam kesemua bab iaitu daripada bab pertama sehingga bab kelima.

K. Sistematika Penulisan

Penulis akan membahagikan kajian ini kepada lima bab tidak termasuk pendahuluan dan penutup. Bahagian Pendahuluan akan menjelaskan tentang latar belakang, masalah dan objektif kajian, skop dan kepentingan kajian, metodologi yang digunakan, hipotesis, ulasan serta sistematika penulisan yang kesemuanya merupakan gambaran umum terhadap keseluruhan disertasi.

Bab isi pula terbahagi kepada lima bab. Bab pertama merupakan pendahuluan terhadap masalah yang akan dikaji. Ia memuatkan sedikit pengenalan tentang Surah al-Aḥzāb serta mengemukakan gambaran awal tentang ayat 32 dan 33 surah tersebut yang menjadi subjek kajian.

Bab kedua akan terus memfokuskan kajian terhadap personaliti muslimah yang pertama yang diambil daripada sebahagian kandungan ayat 32. Bab ini akan membincangkan konsep ketaqwaan kepada Allah s.w.t. berdasarkan perspektif al-Quran, hadis dan pendapat ulama'. Ia juga akan memperihalkan sifat-sifat orang bertaqwa, jalan-jalan menuju ketaqwaan serta cabaran-cabaran yang akan dihadapi untuk mencapainya. Selain itu, sifat ketaqwaan itu sebagai personaliti utama dan terunggul juga akan turut disingkap.

Bab ketiga pula akan membincangkan personaliti muslimah yang kedua secara terperinci iaitu maksud melunakkan suara, ciri-cirinya, lelaki yang haram dilunakkan suara kepadanya, gaya percakapan yang dituntut serta isi kandungan perbualan yang harus dan yang tidak diharuskan. Dalam membincangkan personaliti ini, analisis akan dilakukan terhadap tafsiran para ahli tafsir untuk

mencapai kesimpulan dan kesimpulan tersebut akan diaplikasikan kepada beberapa contoh aktiviti semasa untuk lebih menjelaskan lagi kefahaman.

Manakala bab keempat pula akan membahaskan personaliti yang ketiga dengan menganalisa tafsiran para ahli tafsir berhubung maksud sentiasa berada di rumah (*qarna*). Selain itu adab-adab keluar rumah, kesan-kesan yang timbul akibat keluar serta kepentingan menghayati personaliti ini juga akan dibincangkan untuk melengkapkan perbincangan dalam bab ini.

Sementara bab kelima pula akan membincangkan personaliti muslimah yang berkaitan dengan *tabarruj*. Ia akan menganalisa tafsiran mufasirin berhubung maksud serta ciri-ciri *tabarruj* yang diharamkan oleh Islam. Di samping itu, bab ini juga akan membincangkan cara-cara berhias yang diharuskan berdasarkan nas syarak iaitu ayat 31 Surah al-Nūr sebelum membuat penilaian terhadap bentuk-bentuk yang dianggap *tabarruj* oleh para pengkaji. Kajian ini diakhiri dengan Penutup yang akan mengemukakan kesimpulan-kesimpulan yang telah dicapai sepanjang kajian serta cadangan-cadangan yang berkaitan.

Seperkara yang perlu dinyatakan di sini ialah klimaks kajian ini tidak diletakkan di dalam bab terakhir tetapi ia berada di setiap bab. Ini memandangkan setiap bab membincangkan subjek-subjek yang tersendiri dan memerlukan analisis terperinci dalam setiap sub topiknya. Selain itu, sebahagian nas al-Quran dan hadis pula tidak dicatatkan nas asalnya tetapi hanya dicatatkan terjemahan atau nombor ayat dan surahnya sahaja untuk menjimatkan ruang. Kajian ini juga agak panjang kerana terpaksa menggunakan ruang yang agak luas untuk nota kakinya.